



اُنِيْوَرْسِيْٓتِيْ تِيْكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

U

R

H

P

MERDEKA VIBES

NUR SYAMIERA NARISYA & MOHD FAKARUL RADZI MAHADI

Seremban, 1 hingga 31 Ogos 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban melalui Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah menganjurkan Program *Merdeka Vibes* sepanjang bulan Ogos bertempat di UiTM Kampus Seremban.

Program ini menghimpunkan seramai 43 mahasiswa dan mahasiswi daripada pelbagai fakulti. Ia diadakan khusus bagi menyemai semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa melalui aktiviti kreatif dan pertandingan bertemakan kemerdekaan. Sepanjang program ini, pelbagai aktiviti antaranya pertandingan poster, pantun, dan video kemerdekaan telah dijalankan secara atas talian.



ADRIANA SHAFIQA BINTI HAIRIL AZAM

2024206476

TAJUK : "Merdeka Bukan Sekadar Kata"

Tinta mahasiswa menulis wacana,
Fikiran kritis mengubah zaman,
Merdeka bukan hanya pusaka,
Tetapi perjuangan berterusan.

Layar digital penuh informasi,
Dunia terbuka luas terbentang,
Merdeka terjamin dengan integriti,
Tanpa integriti negara pun goyang.

Anak watan berpadu tenaga,
Budi ditabur setulus jiwa,
Merdeka teguh selagi bersama,
Bangsa berjaya, negara terpelihara.

Gema azan sahut di kota,
Dentum teknologi rentas sempadan,
Merdeka bukan hanya merdeka,
Tapi bebas minda dari kejumudan.

Ombak berlari memukul pantai,
Angin berbisik membawa suara,
Kemerdekaan jangan diperdagai,
Nilainya tinggi melebihi harta.

Cakrawala luas tanpa perhitungan,
Galaksi rahsia menanti digapai,
Merdeka sejati bukan kosong,
Tapi jiwa merdeka berani mencuba.

Melalui penglibatan aktif dalam pertandingan tersebut, mahasiswa berpeluang mengekspresikan rasa cinta dan bangga terhadap negara. Selain itu, program ini turut menggalakkan kreativiti, memperkukuh semangat muhibah serta menyatupadukan mahasiswa berbilang kaum dalam suasana sambutan bulan kemerdekaan.

Menurut pengarah program, Nur Husna Binti Hasnan, penganjuran ini menjadi platform penting dalam memupuk jati diri kebangsaan dan menanam nilai perpaduan. Malah, penyertaan mahasiswa secara aktif dalam program ini menunjukkan komitmen tinggi mereka dalam menghayati makna kemerdekaan.

Pihak penganjur turut mencadangkan agar pada masa akan datang bilangan aktiviti dipertingkatkan dan penyertaan dibuka lebih luas kepada seluruh warga kampus termasuk pensyarah. Hal ini dijangka dapat meningkatkan lagi impak serta keterlibatan dalam program Merdeka Vibes pada masa akan datang.

Secara keseluruhannya, *Merdeka Vibes* mendapat sambutan yang baik dan wajar diteruskan sebagai inisiatif tahunan bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga UiTM.

